

BULETIN JSG

Buletin Jabatan Sains Gunaan,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



KUALITI | AKADEMIK | PROGRAM | AKTIVITI

ISSN 2289-8964



9 772289 896001

Bil 1 2024 | ISSN 2289-8964

PERANCANGAN STRATEGIK & PENCAPAIAN JABATAN

Mohd Haris Ridzuan Ooi Abdullah

Bagi merencanakan strategi Jabatan Sains Gunaan (JSG) ke arah pencapaian petunjuk prestasi (PI) yang ditetapkan di bawah Pelan Strategik UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) bagi tahun 2023, Bengkel Perancangan Strategik peringkat JSG telah diadakan pada 16 Mac 2023 untuk merancang dan mengenalpasti pelan tindakan yang bakal dilaksanakan agar dapat menyumbang kepada sasaran PI yang dipertanggungjawabkan kepada JSG.



Antara gambar yang sempat dirakamkan semasa Bengkel Perancangan Strategik JSG 2023

Sebanyak 26 PI beserta dengan sasaran masing-masing seperti yang disenaraikan dalam jadual berikut telah dipertanggungjawabkan kepada JSG bagi tahun 2023. Setiap PI dimiliki oleh peneraju masing-masing bagi memastikan proses pemantauan dan pelaporan secara berkala dapat dilaksanakan dengan cekap dan efisien. Terdapat 2 PI yang diletakkan di bawah Rektor dan Pendaftar, iaitu PI088 dan PI090, manakala PI081 dan PI052 masing-masing diterajui oleh Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik) dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). PI selebihnya adalah di bawah teraju Timbalan Rektor (Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni).

Berkat usaha dan kesungguhan serta komitmen yang tinggi daripada para warga JSG, sebanyak 22 daripada 26 PI tersebut telah berjaya dicapai sasaran 100% atau lebih. Secara keseluruhannya, pencapaian JSG bagi tahun 2023 adalah sebanyak 84.9% dan berjaya menduduki tempat ketiga di kalangan jabatan yang tertinggi menyumbang kepada pencapaian PI UiTM CPP. Syabas dan tahniah buat semua warga JSG! Semoga pencapaian cemerlang ini diteruskan oleh warga JSG pada tahun-tahun yang akan datang.

PI dan sasaran yang dipertanggungjawabkan kepada JSG bagi tahun 2023

No. PI	PI	Sasaran	Pencapaian
088	<i>Number of staff with professional qualifications.</i>	3	100%
090	<i>Number of staff as members in international and national academic/professional bodies/associations/NGO.</i>	5	100%
081	<i>Number of new MoU/MoA with international universities.</i>	1	100%
049	<i>Number of indexed publication: Conference proceedings in SCOPUS/WoS.</i>	3	67%
050	<i>Number of indexed publication: Journal in SCOPUS/WoS/ERA.</i>	14	7%
051	<i>Number of high impact publications.</i>	1	100%
052	<i>Number of publication in QS subject ranking journal.</i>	3	100%
053	<i>Number of indexed joint publication with National collaborators.</i>	4	100%
054	<i>Number of indexed joint publication with Industry Collaborators.</i>	2	100%
055	<i>Number of indexed joint publication with International Collaborators.</i>	3	100%
056	<i>Number of indexed publication: Journal in MyCite.</i>	4	100%
057	<i>Number of publication published by UiTM Press and other publishers.</i>	1	100%
061	<i>Number of principal investigators (PI) for research grants: National funded.</i>	2	100%
062	<i>Number of principal investigators (PI) for research grants: Industrial funded.</i>	1	100%
063	<i>Number of principal investigators (PI) for research grants: International funded.</i>	1	100%

064	<i>Total amount of research grants: National funded.</i>	RM100000	150%
065	<i>Total amount of research grants: Industrial funded.</i>	RM10000	100%
066	<i>Total amount of research grants: International funded.</i>	RM10000	0%
019	<i>Number of alumni successfully became entrepreneurs.</i>	5	100%
072	<i>Number of new MoU and MoA with International Industries.</i>	1	0%
075	<i>Number of University Social Responsibility programmes (USR).</i>	2	100%
076	<i>Number of Knowledge Transfer Programmes (KTP).</i>	1	100%
077	<i>Total amount received (from external) for USR and KTP programmes.</i>	RM7000	100%
078	<i>Total amount spent (from own funds) for USR and KTP programmes.</i>	RM800	100%
079	<i>Number of communities receiving/ benefiting from the knowledge/ technology diffusion projects.</i>	1	100%
080	<i>Number of alumni expert service programme.</i>	1	100%